

Bab 4

Mediasi sebagai Kaedah Penyelesaian dalam Pertikaian Pentadbiran Harta Pusaka untuk Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia

Muhammad Amrullah Drs Nasrul, Muhamad Helmi Md Said &
Mahamatayuding Samah

Pengenalan

Pentadbiran harta pusaka merujuk kepada proses menguruskan harta pusaka si mati. Ini termasuk penyelesaian hutang dan liabiliti serta pembahagian pelbagai jenis aset milik si mati. Secara amnya, pentadbiran harta pusaka boleh dibahagikan kepada dua peringkat iaitu sebelum permohonan surat kuasa dan pasca permohonan surat kuasa. Peringkat pertama melibatkan permohonan surat kuasa dari badan pentadbir berdasarkan kepada bidang kuasa institusi yang terlibat. Sebagai contoh, permohonan terhadap Mahkamah Tinggi dilakukan bagi harta yang bernilai lebih dari dua juta ringgit bagi mendapatkan Geran Probet atau Surat Kuasa Mentadbir. Manakala peringkat kedua melibatkan proses seperti pengumpulan aset, pembayaran hutang dan liabiliti, pertukaran hakmilik serta pembahagian pusaka kepada penerima yang berhak. Walaupun pentadbiran harta pusaka bersifat undang-undang, proses ini sering terdedah kepada berlakunya kes-kes pertikaian antara waris, sama ada mereka yang berhak menerima pusaka si mati atau yang tidak berhak menerima.

Isu pertikaian antara waris yang wujud pada kedua-kedua peringkat pentadbiran ini mengakibatkan kelewatan dalam menyelesaikan harta pusaka si mati. Penangguhan pentadbiran yang berlaku

sekali gus menghalang pihak waris dari mendapat bahagian pusaka masing-masing, akibat dari pentadbiran yang tidak selesai. Penglibatan badan-badan pentadbir seperti Mahkamah Tinggi sivil, Mahkamah Syariah, Seksyen Pembahagian Pusaka dan Amanah Raya Berhad dalam pentadbiran harta pusaka lebih tertumpu kepada aspek prosedur dan penyelesaian fail kes. Pertikaian yang berlaku di antara waris biasanya turut melibatkan penderitaan emosi yang wujud dalam pelbagai bentuk terutamanya perasaan marah, sedih dan ketidakpuasan hati. Malangnya, tiada mekanisme yang khusus disediakan oleh badan pentadbir dalam menangani aspek penderitaan emosi ini. Tambahan pula, penglibatan institusi-institusi ini biasanya tertumpu pada peringkat awal pentadbiran iaitu proses permohonan surat kuasa sedangkan pertikaian mungkin wujud selepas proses tersebut.

Keutamaan harus diberikan kepada penyelesaian masalah pertikaian yang menjadi punca kepada penangguhan pentadbiran harta pusaka. Malah, langkah penyelesaian pertikaian yang bersifat pantas dan efektif perlu diketengahkan memandangkan kelewatan pentadbiran boleh menambah risiko terhadap berlakunya masalah lain seperti kematian berlapis, kehilangan dokumen penting, kehilangan aset dan waris si mati. Oleh yang demikian, kajian ini menganalisis kaedah dan potensi mediasi dalam menangani masalah pertikaian antara waris. Disamping itu, kajian ini juga menganalisis kesesuaian mediasi untuk diaplikasi oleh badan-badan pentadbir, sesuai dengan bidangkuasa masing-masing.

Tinjauan Mengenai Mediasi

Masalah pertikaian antara waris dalam kes harta pusaka perlu kaedah yang mampu menangani penderitaan emosi yang timbul pada peringkat pentadbiran dan pembahagian harta. Penyelesaian secara litigasi tidak mengambil kira aspek ini memandangkan ia bersifat prosedur dan formal. Keputusan yang dicapai dalam proses litigasi juga dilihat bersifat sebelah pihak. Oleh yang demikian, pihak yang kalah akan menanggung beban emosi yang lebih berat. Mediasi dilihat lebih sesuai berdasarkan kepada aspek praktikal yang menitikberatkan keadaan emosi pihak-pihak bertikai dalam menyelesaikan kes yang berlaku.

Mediasi merupakan salah satu bentuk *Alternative Dispute Resolution* (ADR) yang menawarkan aspek penyelesaian pertikaian secara lembut serta mengutamakan kaedah penyelesaian secara bersama (win-win situation). Secara asas, mediasi memberi ruang kepada pihak-pihak bertikai untuk mengambil bahagian dengan menyuarakan masalah yang dihadapi. Pihak-pihak ini juga terlibat dalam mencadangkan penyelesaian terhadap masalah tersebut. Mediasi dikelolakan oleh seorang pegawai mediasi yang bertanggungjawab dalam memastikan sesi berjalan secara aman dan mendapatkan keputusan terbaik. Penglibatan langsung pihak-pihak ini dalam proses mediasi mencerminkan keunikan mediasi yang menggunakan pendekatan berbeza berbanding litigasi, di samping aplikasinya yang bersifat kurang formal.

Mediasi telah lama diamalkan oleh penduduk asal di Tanah Melayu terutamanya dalam hal-hal berkaitan kekeluargaan seperti perkahwinan, penceraian dan harta pusaka. Walaupun tidak menggunakan terma mediasi, namun proses yang diamalkan mencerminkan kaedah mediasi yang mana ianya melibatkan proses yang tidak formal dan lenien (Md Yazid 2017). Mediasi pada waktu ini dijalankan oleh penghulu yang dilantik dari kalangan orang yang berpengalaman luas dalam pentadbiran, di samping mempunyai pengaruh tinggi serta bijak dalam berkomunikasi dengan orang lain. Secara literalnya, mediasi diamalkan oleh orang Melayu yang dipengaruhi oleh agama Islam dan adat orang Melayu. Oleh yang demikian, kaedah penyelesaian melalui mediasi juga berpandukan kepada kedua-dua elemen ini.

Perubahan mediasi berlaku selaras dengan perubahan terhadap undang-undang di negara ini. Kini, mediasi diterima sebagai satu kaedah penyelesaian yang rasmi serta tertakluk di bawah peraturan formal, khususnya undang-undang sivil dan undang-undang syariah. Di Malaysia, mediasi tertakluk di bawah Akta Pengantaraan 2012. Akta ini membekalkan peruntukan yang umum berkaitan dengan perlantikan mediator, kos mediasi dan sebagainya. Walaupun tidak bersifat komprehensif, namun Akta Pengantaraan 2012 sebenarnya sesuai dan menepati objektif mediasi kerana sifatnya yang lembut dan tidak terikat kepada peraturan khusus. Ini memberikan fleksibiliti kepada pengamal mediasi untuk merancang dan melaksanakan mediasi mengikut kesesuaian mereka, asalkan menepati panduan umum seperti

yang termaktub di bawah Akta Pengantaraan 2012. Namun, peruntukan di bawah Akta Pengantaraan 2012 dilihat agak ringkas dimana keutamaan hanya diberikan kepada aspek perjanjian, pelantikan dan penamatan mediator dan kos. Dari sudut perundangan, intipati statut ini disifatkan sebagai longgar dan tidak menyeluruh memandangkan ketiadaan peruntukan undang-undang yang mendalam.

Peranan Mediator

Seorang *mediator* memainkan peranan sebagai individu yang neutral iaitu tidak berpihak kepada mana-mana pihak sewaktu proses mediasi. Ini merupakan salah satu ciri mediasi dimana *mediator* bersifat menyokong, berbanding dengan sifat menghakimi seperti di mahkamah. Biasanya seseorang *mediator* dilantik dari kalangan individu yang memiliki kepakaran dalam undang-undang serta psikologi manusia, tetapi boleh juga dari bidang-bidang yang lain. Hal ini kerana perbalahan dalam harta pusaka sering melibatkan isu undang-undang serta keadaan pihak-pihak bertelagah yang sering berada dalam kemarahan dan kesedihan. Aspek komunikasi yang baik serta kemampuan untuk menilai sesuatu isu yang dinyatakan oleh pihak-pihak bertikai turut diperlukan oleh seorang *mediator*.

Seseorang *mediator* harus mempunyai kelulusan tertentu serta mempunyai pengalaman dalam bidang mediasi sama ada melalui teori atau latihan pratikal, seperti yang dinyatakan di bawah seksyen 7 Akta Pengantaraan 2012. Terdapat juga syarat-syarat khusus oleh institusi mediasi yang perlu dipenuhi oleh *mediator* seperti memenuhi syarat latihan selama 40 jam. Resolusi di bawah mediasi dicapai melalui perjanjian bersama kedua-dua pihak berdasarkan peranan yang dimainkan oleh *mediator* dari awal hingga akhir proses (Nora 2012). Penyelesaian dalam mediasi dibuat berdasarkan kepentingan kedua belah pihak dan ini dapat memberikan kepuasan kepada mereka, tidak seperti proses litigasi yang melibatkan kemenangan sebelah pihak (Asri Salleh 2007). Keupayaan dalam mencipta penyelesaian sesuai dengan keperluan pihak-pihak bertikai jelas menandakan penyesuaian mediasi di dalam kes pertikaian pentadbiran harta pusaka.

Selain itu, mediasi turut mempunyai beberapa ciri yang berbeza berbanding dengan litigasi dan mekanisme *ADR* yang lain. Ciri pertama merujuk kepada mediasi yang bersifat fleksibel. Ini dapat dilihat pada perjalanan sesi mediasi di mana tiada kaedah prosedur khusus bagi penetapan sesi mediasi. Walaupun mempunyai persamaan pada ciri-ciri umum seperti kewujudan sesi pertemuan sebelah pihak (*caucus*) dan perbincangan bersama, ianya tidak bersifat mengikat dan boleh dibentuk oleh seseorang *mediator* berdasarkan kepada keperluan kes tertentu (Wall, Stark and Standifer 2001).

Sesi mediasi juga tidak memerlukan tempat yang khusus. Selain dari program mediasi oleh mahkamah, pihak-pihak bebas untuk memilih lokasi bagi sesi mediasi tidak formal seperti bilik mesyuarat, kafe atau tempat-tempat lain yang difikirkan sesuai. Kemudahan ini memberikan persekitaran yang bebas tekanan berbanding bilik mahkamah, terutamanya pihak-pihak yang tidak pernah berada di sana (Radford 2001).

Perjanjian di bawah mediasi tidak bergantung pada jenis remedi khusus seperti yang terdapat di mahkamah. Walaupun remedi ini dikuatkuasakan oleh undang-undang dan bersifat mengikat, namun jenis remedi yang disediakan tidak seluas berbanding mediasi. Tambahan pula, remedi ini hanya diberikan ke atas pihak yang menang. Sebaliknya dalam mediasi, jenis penyelesaian tidak terikat kepada peraturan tertentu asalkan penyelesaian tersebut selaras dengan undang-undang. Disebabkan kedua-dua pihak terlibat dalam merancang penyelesaian, maka tiada pihak yang dianggap kalah dalam mediasi. Kebebasan yang diberikan dalam merangka penyelesaian pada akhir sesi mediasi membolehkan kedua-dua pihak mendapat manfaat daripada penyelesaian tersebut (Akta Pengantaraan 2012).

Dari sudut prosedur pula, Akta Pengantaraan 2012 tidak menyatakan peraturan khusus bagi pengendalian sesebuah sesi mediasi. Ini berbeza dengan proses litigasi di mana peraturan di bawah Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 dan Arahan Amalan mesti dipatuhi sepenuhnya. Berpandukan kepada Akta Pengantaraan 2012, prosedur mediasi ditentukan secara bersama oleh *mediator* serta pihak-pihak terlibat. Secara amnya, sesi mediasi terdiri daripada beberapa fasa seperti sesi pengenalan, sesi perbincangan, sesi kaukus dan sesi keputusan. Perjalanan fasa-fasa tersebut boleh berubah berdasarkan kepada keadaan. (Abdul Rani & Norjihan 2014).

Perjalanan Sesi Mediasi

Permulaan sesi mediasi biasanya melibatkan sesi pengenalan oleh mediator. *Mediator* akan menerangkan konsep mediasi, termasuk mengingatkan pihak-pihak yang ada bahawa peranan *mediator* bukanlah sebagai hakim, sebaliknya untuk membantu mereka dalam menjayakan sesi mediasi. *Mediator* juga akan mengingatkan berkenaan dengan mediasi sebagai proses sukarela (Chester & Ronald 1998; Kwai 2012). Oleh yang demikian, pihak-pihak terlibat harus hadir ke sesi mediasi atas hasrat mereka sendiri dan tanpa paksaan dari pihak lain (Chester & Ronald 1998). Objektifnya adalah bagi memberi kefahaman kepada pihak-pihak bertikai berkenaan kandungan dan fungsi mediasi serta menerangkan perbezaan antara mediasi dan litigasi mahkamah. Namun kedua-duanya tetap mencapai matlamat yang sama, iaitu membantu pihak-pihak mencapai penyelesaian yang diinginkan.

Sesi perbincangan merupakan fasa bagi pihak-pihak bertikai menyampaikan luahan dan pandangan berkenaan dengan masalah yang dihadapi. Mereka akan duduk bersama dalam sesi yang diseliasi oleh *mediator*. Pada peringkat ini, *mediator* perlu mengawal perjalanan sesi bagi mengelakkan sebarang masalah berlaku seperti pergaduhan. Hasil dari sesi perbincangan membantu *mediator* dalam mengenal pasti tahap masalah serta menilai kualiti hubungan antara pihak-pihak bertikai dan seterusnya melaksanakan pendekatan yang sesuai bagi menangani untuk fasa berikutnya iaitu sesi kaukus (Gary 1997).

Di dalam sesi pertemuan sebelah pihak atau sesi kaukus ini, *mediator* akan memanggil setiap pihak secara berasingan. Perbincangan di antara *mediator* dengan satu pihak dilakukan secara tertutup tanpa pengetahuan dari pihak yang lain. Pada peringkat ini, biasanya pihak-pihak akan lebih selesa menceritakan masalah mereka serta lebih mudah untuk menerima pendapat atau cadangan dari *mediator*. *Mediator* akan menggunakan kepakaran dan pengalaman beliau sebaiknya dalam menangani pihak-pihak bertikai, khususnya pada sesi ini (Gary 1997). Selepas sesi pertemuan sebelah pihak, kedua-dua pihak akan dipanggil semula dan *mediator* akan menyatakan pilihan penyelesaian yang wujud, termasuk penjelasan implikasi yang mungkin berlaku. Seterusnya pihak-pihak akan ditinggalkan untuk membuat keputusan sendiri. Di sini jelas menunjukkan keunikan mediasi dimana

keputusan persetujuan datang pihak-pihak bertikai, dan bukannya dari *mediator*. Penyelesaian dicapai melalui penyertaan aktif semua pihak dalam sesi mediasi (Kwai 2012).

Kelebihan Mediasi

Seksyen ini menjelaskan kelebihan mediasi serta memberikan justifikasi mengenai kesesuaiannya sebagai kaedah penyelesaian bagi pertikaian dalam pentadbiran harta pusaka. Walaupun terdapat beberapa *ADR* yang turut melibatkan elemen perbincangan seperti rundingan dan pendamaian (*conciliation*), mediasi melalui ciri-ciri keseluruhannya dianggap sebagai pendekatan yang lebih sesuai dalam mengendalikan kes pertikaian yang melibatkan penderitaan emosi. Kelebihan mediasi disenaraikan di bawah empat ciri utama iaitu kerahsiaan, pemeliharaan hubungan, penyelesaian unik, dan penjimatan masa. Ciri-ciri yang dipilih akan dijelaskan berdasarkan relevansi terhadap kes pertikaian harta pusaka.

Kerahsiaan

Elemen kerahsiaan dalam mediasi bermaksud sebarang maklumat daripada sesi mediasi tidak akan didedahkan kepada pihak luar. Apa yang berlaku dalam sesi tersebut hanya diketahui oleh pihak-pihak yang terlibat. *Mediator* khususnya, harus menyimpan kerahsiaan berkenaan perjalanan sesi mediasi tersebut. (Haneman 2011). Kerahsiaan maklumat ini memberi perlindungan terhadap pihak-pihak bertikai, termasuk dari apa-apa bentuk pertanyaan dan gangguan dari pihak ketiga. Ini berbeza dengan sistem litigasi, dimana sesetengah kes yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan boleh direkodkan dan boleh diakses oleh orang ramai. Dari sudut yang lain, ketiadaan akses terhadap maklumat sesi mediasi kerana kerahsiaan menimbulkan kesulitan dalam menganalisis keberkesanan mediasi secara praktikal bagi tujuan penambahbaikan.

Sebarang maklumat yang diperolehi daripada sesi mediasi akan ditangani dengan kerahsiaan yang ketat yang tidak boleh dijadikan

sebagai bukti atau pernyataan di mahkamah. Perlindungan kerahsiaan maklumat ini memberi dua jenis manfaat kepada pihak-pihak terlibat. Pertama, kerahsiaan mediasi melindungi reputasi dan nama baik individu atau syarikat. Apa-apa penemuan sewaktu sesi mediasi yang dianggap boleh memberi kesan terhadap reputasi pihak-pihak terlibat tidak akan disebarkan sementara *mediator* pula akan menjaga kerahsiaan tersebut (Radford 2000). Kedua, kerahsiaan mediasi menggalakkan pihak-pihak untuk berterus terang sewaktu sesi mediasi bagi membolehkan setiap pihak memahami situasi sebenar. Keadaan ini memupuk sikap pihak-pihak untuk bersikap jujur sewaktu berkomunikasi, bukan hanya kepada mediator tetapi juga kepada diri mereka sendiri.

Pemeliharaan Hubungan antara Ahli Keluarga

Pendekatan sosial dalam mediasi amat diperlukan bagi memelihara keadaan emosi para pihak serta membolehkan sesi mediasi dapat diselesaikan tanpa merosakkan hubungan antara kedua-dua pihak (Chester 1998). Penglibatan langsung pihak-pihak bertikai dalam sesi mediasi, sekiranya ditangani dengan baik, dapat meningkatkan hubungan antara satu sama lain. Ini selari dengan objektif mediasi iaitu untuk memperbaiki dan mengekalkan hubungan baik di antara semua pihak. Hubungan yang retak pada awal sesi mediasi boleh dipulihkan apabila setiap pihak mula memahami keadaan sebenar di antara mereka.

Kejayaan dalam sesi mediasi bergantung pada tahap kerjasama antara satu sama lain (Haneman 2011). Sesi mediasi menggalakkan mereka berkomunikasi antara satu sama lain dan ini dapat memperbaiki tahap hubungan yang sedia ada (Foster & Frances 2001). Pihak-pihak dapat berinteraksi dalam persekitaran positif dan harmoni bawah seliaan dari *mediator* tanpa penglibatan dari pihak luar atau sebarang bentuk pengaruh negatif seperti hasutan dan provokasi.

Hubungan yang retak dalam kalangan ahli keluarga dilihat sebagai salah satu punca pertikaian keluarga. Sebagai contoh, pertikaian antara waris-warisi mati melibatkan ketidakpuasan hati tentang bahagian penerima terhadap pusaka tersebut. Oleh itu, mediasi memberi manfaat

kepada pihak-pihak bertikai melalui penyelesaian yang dihadapi, termasuk menangani masalah emosi dalam kalangan mereka (Madoff 2002).

Penyelesaian Unik

Satu lagi kelebihan mediasi ialah keupayaan dalam mencapai variasi penyelesaian yang unik. Istilah unik merujuk kepada bentuk penyelesaian yang mungkin berbeza dari apa yang ditawarkan oleh litigasi. Undang-undang litigasi sivil menawarkan penyelesaian melalui perintah mahkamah yang mungkin tidak sesuai untuk semua pihak. Penyelesaian ini ditentukan oleh mahkamah atas permohonan yang dibuat oleh pihak-pihak bertikai, dan mereka terikat dengan keputusan mahkamah (Madoff 2004). Tambahan pula, perintah yang diberikan oleh mahkamah ini tidak boleh memberi manfaat kepada kedua-dua pihak. Dalam kes tuntutan ganti rugi misalnya, pihak yang kalah akan mengalami kerugian dan ini boleh menyebabkan hubungan antara kedua-dua pihak terjejas.

Penyelesaian yang ditawarkan di bawah mediasi pula dicapai secara muafakat (Love 2001). Pihak-pihak di bawah sesi mediasi dibenarkan untuk mencadangkan penyelesaian atau cadangan mereka sendiri. Ini membolehkan mediasi untuk mewujudkan pelbagai pilihan penyelesaian. Penyelesaian dicadangkan secara bersama, maka tidak ada rasa tidak puas hati terhadap satu sama lain (Radford 2001). Oleh itu, mediasi amat sesuai digunakan untuk pertikaian keluarga dalam kes-kes pusaka yang banyak melibatkan gangguan emosi antara ahli keluarga yang bertikai. *Mediator* pula memainkan peranannya dalam menyokong pihak-pihak agar mencadangkan penyelesaian yang bersesuaian dengan keperluan kes serta dapat mendatangkan manfaat kepada semua pihak.

Penjimatan Masa

Penjimatan masa dianggap sebagai salah satu kelebihan mediasi. Sesi mediasi boleh diatur dengan cepat dan mudah kerana ia tidak melibatkan aspek formal (Radford 2000). Tidak seperti litigasi di mana tarikh yang ditetapkan untuk perbicaraan mahkamah mungkin

mengambil masa beberapa minggu, tertakluk kepada bilangan kes yang banyak, akses terhadap mediasi pula kurang rumit kerana ia tidak melibatkan prosedur yang ketat. Mediasi dapat menyelesaikan kes-kes dengan lebih cepat, kerana tidak banyak kes yang wujud pada satu-satu masa, berbanding di mahkamah (Radford 2000). Ini adalah disebabkan penglibatan langsung pihak-pihak bertikai dalam mediasi (Victoria 2012). Sebaliknya sesi perbicaraan mahkamah mungkin melibatkan saksi bagi sesi pemeriksaan oleh peguam dan mahkamah. Lebih ramai saksi yang dipanggil, maka lebih lama masa diperlukan untuk menyelesaikan sesuatu kes.

Penekanan Aspek Emosi

Sesetengah pertikaian pusaka melibatkan gangguan emosi yang dialami oleh waris atau ahli keluarga si mati (Mary 2000). Selain perasaan sedih terhadap kehilangan si mati, rasa marah turut melanda ahli keluarga yang lain sehingga mereka membuat keputusan untuk bertindak secara sendiri tanpa perbincangan dengan ahli keluarga lain (Love 2012). Di samping itu, kes-kes yang dibawa ke mahkamah sivil turut melibatkan pihak-pihak yang mengalami tekanan emosi sedangkan mahkamah hanya terhad kepada menangani isu undang-undang. Pihak yang kalah pastinya terkesan dengan keputusan ini dan hubungan antara kedua-dua pihak mungkin akan menjadi lebih teruk. Sebaliknya, mediasi menyediakan pendekatan khusus dalam menangani isu-isu emosi yang wujud dalam kalangan pihak-pihak bertikai. Selain dari penyelesaian isu utama, mediasi turut memberi perhatian terhadap hubungan antara ahli keluarga dan aspek komunikasi antara pihak-pihak (Gary 1997). *Mediator* akan dapat mengenal pasti dan seterusnya, mencari penyelesaian yang tepat untuk kedua-dua pihak, berdasarkan kepada aspek-aspek di atas.

Unsur kerahsiaan dalam mediasi membolehkan pihak-pihak menjadi lebih terbuka dan jujur dengan perasaan mereka ketika berkomunikasi secara langsung antara satu sama lain. Melalui mediasi, pihak-pihak dapat menyatakan sesuatu tanpa rasa gusar dan takut (Gary 1997). Ini memberikan rasa kepuasan dalam menyatakan hal yang sebenar. Penyelesaian itu dibuat dengan mengambil kira realiti yang dihadapi oleh pihak-pihak terlibat. Dengan memahami satu sama

lain, mediasi dapat mencapai penyelesaian yang baik. Manfaat emosi yang terdapat dalam mediasi adalah kunci kepada pemulihan dan penjagaan hubungan yang baik antara kedua-dua pihak.

Cadangan Implimentasi Mediasi dalam Badan Pentadbir di Malaysia

Berdasarkan kepada kesesuaian mediasi sebagai mekanisme penyelesaian pertikaian dalam pentadbiran pusaka, bahagian seterusnya menyenaraikan cadangan implimentasi mediasi dalam badan pentadbir. Dengan mengambil kira bidang kuasa Seksyen Pembahagian Pusaka dan Amanah Raya Berhad (ARB), mediasi dilihat sesuai untuk dicadangkan kepada kedua-dua badan pentadbir ini. Cadangan yang terlibat adalah dengan memasukkan mediasi sebagai mekanisme baru dalam menyelesaikan kes yang mempunyai pertikaian.

Keperluan Mediasi di Seksyen Pembahagian Pusaka

Sama seperti peranan Mahkamah Tinggi sivil, Seksyen Pembahagian Pusaka memainkan peranannya dalam mengeluarkan surat kuasa kepada pemohon, khususnya melalui pengeluaran Perintah Pembahagian dan Surat kuasa Mentadbir. Cara yang digunakan oleh badan ini juga bersamaan dengan amalan mahkamah iaitu melalui sesi perbicaraan. Sesi ini membolehkan pentadbir tanah menentukan fakta kes serta mengenal pasti isu-isu yang timbul termasuk kewujudan pertikaian. Walau bagaimanapun, perselisihan dalam kalangan keluarga berhubung pentadbiran pusaka tidak ditangani secara langsung oleh pentadbir tanah. Dalam hal ini, tumpuan hanya diberikan kepada penyelesaian permohonan, iaitu melalui pengeluaran Perintah Pembahagian dan Surat kuasa Mentadbir. Batasan dari segi komitmen, masa, dan tenaga kerja menghalang Seksyen Pembahagian Pusaka daripada menangani pertikaian yang timbul semasa permohonan itu, selain proses pentadbiran itu sendiri.

Biasanya, jika wujud perbalahan di antara ahli keluarga atau waris, mereka dinasihatkan untuk membincangkan dan menyelesaikan masalah dalam kalangan mereka sendiri. Pendengaran itu akan ditangguhkan dan mereka akan diminta hadir ke sesi perbincaraan seterusnya. Namun begitu, tiada jaminan akan perbalahan tersebut telah selesai sepenuhnya dan dikhuatiri keadaan ini akan menjejaskan pentadbiran harta selagi pertikaian tersebut tidak diselesaikan. Oleh itu, mediasi wajar diperkenalkan di bawah institusi ini untuk membantu pentadbir tanah menangani kes-kes pertikaian sebegini. Dengan cara ini, perselisihan ini boleh ditangani dan diselesaikan melalui cara yang betul, seterusnya, dapat menghalang masalah lain yang mungkin timbul akibat dari pertikaian yang tidak diselesaikan.

Keperluan Mediasi di Amanah Raya Berhad (ARB)

Walaupun konsep mediasi tidak dipraktikkan di ARB, institusi ini ada mengaplikasi unsur-unsur mediasi dalam amalan penyelesaian kes-kes yang berlaku. Unsur perbincangan, rundingan, dan pendekatan yang bersifat lembut adalah sebahagian daripada amalan di ARB. Walau bagaimanapun, tiada penyeragaman kaedah perbincangan di setiap cawangan ARB. Amalan sedemikian hanyalah tertakluk kepada kewujudan kakitangan yang berpengalaman, khususnya pegawai senior dalam mengendalikan situasi tersebut. Walau bagaimanapun, tidak semua cawangan ARB mempunyai pegawai yang berpengalaman dalam kes sebegini. Menurut maklum balas oleh ketua cawangan ARB di Kuala Lumpur, seorang pegawai dari cawangan utama dikehendaki pergi ke cawangan lain dari semasa ke semasa untuk mengendalikan sesi perbincangan bersama waris-waris disebabkan oleh ketiadaan pegawai yang berkebolehan (Komunikasi peribadi dengan pegawai ARB Januari, 2016).

Cara penyelesaian pertikaian oleh ARB iaitu melalui perbincangan tidak selalu menerima hasil yang diinginkan (Komunikasi peribadi dengan pegawai ARB Januari 2016). Terdapat contoh dimana perbincangan perlu diadakan beberapa kali kerana gagal mencapai persetujuan sesama waris. Dalam kes-kes lain pula, sungguhpun

persetujuan mengenai satu perkara dicapai sewaktu perbincangan, pertikaian yang wujud masih tidak dapat diselesaikan dan ini membawa kepada beberapa permasalahan lain (Komunikasi peribadi dengan pegawai ARB Januari 2016).

Keadaan ini berlaku disebabkan perbalahan di antara ahli keluarga dimana perselisihan faham telah lama berlaku. Mediasi boleh dipraktikkan di dalam kes sebegini kerana mediasi membolehkan pihak-pihak yang bersengketa memahami kedudukan masing-masing, termasuk kesulitan yang dialami oleh setiap pihak, dan seterusnya menyelesaikan kes tersebut secara bersama (Kwai 2012). Mediasi menyediakan ruang bagi pihak-pihak tersebut memahami, memaafkan serta memperbaiki hubungan yang terputus. Oleh itu, pelaksanaan mediasi di ARB dapat meningkatkan kemampuan untuk menangani perselisihan keluarga secara berkesan dan memastikan proses pentadbiran pusaka berjalan lancar.

Kesimpulan

Pertikaian antara waris merupakan antara isu yang sering berlaku dalam pentadbiran harta pusaka. Amalan pentadbiran yang dilakukan oleh badan pentadbir pula tidak memfokuskan terhadap aspek penyelesaian pertikaian ini, sebaliknya memberi keutamaan kepada penyelesaian kes yang biasanya berakhir dengan pengeluaran surat kuasa. Sungguhpun pengeluaran surat kuasa ini menandakan pengakhiran proses dan peranan badan pentadbir terhadap sesuatu kes, namun ianya tidak bermaksud bahawa pertikaian tersebut telah selesai. Terdapat kemungkinan pertikaian tersebut boleh muncul semula pada peringkat pentadbiran pusaka yang lain. Ini boleh menjejaskan perjalanan pentadbiran pusaka. Oleh yang demikian, adalah difikirkan wajar agar mediasi diperkenalkan sebagai mekanisme penyelesaian pertikaian.

Berdasarkan kemampuan dan potensi mediasi yang telah dibincangkan sebelum ini, adalah sesuai bagi mediasi dijadikan sebagai sebahagian daripada praktis badan-badan pentadbir khususnya Seksyen Pembahagian Pusaka dan ARB. Pertimbangan perlu diberikan terhadap aspek penambahan pegawai serta memberikan latihan dan kursus berkaitan dengan mediasi agar sesi mediasi yang dijalankan dapat memberikan peluang kejayaan yang tinggi. Malah, mahkamah sivil telah pun memperkenalkan pusat mediasi mahkamah sebagai salah satu langkah menyelesaikan kes-kes mahkamah, terutamanya pada peringkat awal. Implimentasi mediasi di dalam Seksyen Pembahagian Pusaka dan ARB bukan sahaja merupakan idea yang praktikal, malah ianya dikira sebagai keperluan terhadap kes-kes pertikaian pentadbiran harta pusaka yang semakin kerap berlaku. Oleh yang demikian, pihak-pihak berkepentingan seperti kerajaan dan institusi berkaitan diharap dapat memainkan peranan dalam merealisasikan mediasi sebagai langkah penyelesaian praktikal terhadap masalah ini.